

Tarikh dibaca: 27 April 2018M / 11 Syaaban 1439H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“PERPADUAN MENJAMIN
KESEJAHTERAAN”***

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. **Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** (Ahli)
**Mantan Timbalan Pengarah,
Jabatan Agama Islam Selangor**
3. **Ketua Penolong Pengarah,** (Setiausaha)
**Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor**
4. **SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
5. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
6. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor
7. **Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
8. **Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
9. **Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor
10. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor
11. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
12. **Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urus Setia)
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



“PERPADUAN MENJAMIN KESEJAHTERAAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ
أَخَوَيْكُمْ^١ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠١﴾^١
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Pada hari yang mulia ini, khatib ingin berpesan kepada diri sendiri dan para Jemaah sekalian, marilah kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Kerana taqwalah merupakan satu-satunya kunci untuk mencapai kejayaan kehidupan kita di dunia dan akhirat.

¹ Al-Hujuraat : 10



Khutbah yang ingin kita sampaikan pada minggu ini adalah bertajuk
"PERPADUAN MENJAMIN KESEJAHTERAAN".

Hadirin yang dirahmati Allah,

Rasulullah SAW adalah contoh terbaik yang telah membawa keamanan dan perpaduan. Rasulullah SAW menjadikan keimanan kepada ajaran Islam sebagai asas kepada pembentukan perpaduan yang disemai sejak permulaan dakwah baginda di Makkah al-Mukarramah sehinggalah terbentuknya sebuah negara Islam di Madinah al-Munawwarah. Malah seruan pertama ketika baginda sampai ke Madinah sebagai pemimpin penyelamat manusia ialah tentang perpaduan sesama warga Madinah itu sendiri. Sebuah hadis diriwayatkan daripada Abdullah bin Salam Radiallahu Anhu bahawa seruan pertama yang beliau dengar daripada Rasulullah SAW ketika tibanya baginda di Kota Madinah, sabdanya:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ، أَفْشُوا السَّلَامَ، وَأَطْعِمُوا
الطَّعَامَ، وَصَلُّوا الْأَرْحَامَ، وَصَلُّوا النَّاسَ نِيَامًا
تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ بِسَلَامٍ

"Wahai manusia, sebarkanlah salam, memberi makan, hubungkanlah silaturrahim, solatlah di malam hari ketika orang sedang tidur, nescaya kalian akan masuk syurga dengan sejahtera".

(Riwayat al-Hakim).

Hadis ini jelas menyebut bahawa kaedah pembentukan perpaduan adalah berdasarkan empat perkara yang sangat memberi kesan kepada



ukhwah perpaduan ummah iaitu ucapan salam, menyediakan makanan, menghubungkan silaturrahim dan solat malam.

Muslimin sidang Jumaat sekalian,

Apa yang diharapkan adalah semua pihak perlu menjaga adab semasa berkempen dalam pilihanraya ketika menyampaikan hujah dan bersuara dengan tidak mengandungi fitnah dan tohmahan. Fitnah bukan sahaja mengelirukan banyak pihak tetapi ia juga akan membangkitkan semangat permusuhan yang boleh menimbulkan dendam kesumat. Sifat inilah akan menyebabkan berlakunya permusuhan yang berpanjangan.

Kegagalan kita dalam menjaga adab hanya akan meretakan perpaduan yang kita bina selama ini. Sedangkan Islam menyuruh kita mencari titik pertemuan, bukan menanam bibit-bibit permusuhan.

Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Negara kita adalah sebuah negara demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Dalam tempoh lima tahun sekali, satu pilihanraya umum mesti diadakan untuk memilih wakil-wakil rakyat bagi membentuk kerajaan baru. Semua rakyat diberi hak dan kebebasan untuk memilih dan menentukan wakil rakyat yang terbaik untuk menduduki dewan parlimen atau dewan undangan negeri. Sebagai persiapan menghadapi Pilihanraya Umum ke-14, Baginda D.Y.M.M. Sultan Selangor telah bertitah dalam perutusannya yang bertarikh 20 April 2018 bahawa D.Y.M.M. Tuanku ingin mengingatkan kepada sekalian rakyat terutamanya di negeri Selangor supaya jangan cuba menimbulkan sebarang tindakan yang boleh mencetuskan perbalahan dan kekacauan ketika musim pilihanraya ini berjalan. D.Y.M.M. Tuanku berharap agar Pilihanraya Umum ke-14 ini dapat dijalankan dengan lancar dan dalam



keadaan aman tanpa sebarang kekecohan dan huru-hara di kalangan rakyat”.

Kini, suasana pilihanraya dan berkempen telah kembali tiba. Bagi menyahut titah Tuanku Sultan Selangor, Khatib ingin mengingatkan bahawa dalam suasana kempen pilihanraya sekarang ini, antara perkara yang mesti dijaga ialah perpaduan dan ukhuwah antara kita. Perpaduan adalah antara nikmat yang mesti kita syukuri. Perpaduan hanya wujud jika kita menghargai sesebuah keamanan.

Apa yang diharapkan juga adalah semua pihak hendaklah menyampaikan berita yang benar dan bertanggungjawab bagi setiap fakta yang disampaikan. Manakala bagi sesiapa sahaja yang mendengarnya hendaklah sentiasa tabayyun atau memastikan kebenarannya sebelum menerima dan menyebarkannya. Ingatlah firman Allah SWT dalam surah al-Hujuraat ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا
قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya), sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”.

Hadirin yang berbahagia sekalian,

Kita perlu sedar dalam keghairahan berkempen kadangkala akan melonggarkan perpaduan di kalangan kita. Perkara ini berlaku adalah kerana



kelalaian kita yang terlalu asyik berkempen hingga terpesong ke dalam kancah kutuk mengutuk, hina menghina, aib mengaib dan lebih dahsyat lagi fitnah memfitnah. Sedangkan semua ini dilarang oleh Allah SWT sebagaimana ditegaskan-Nya melalui firman-Nya dalam surah al-Hujuraat ayat 12:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ
إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا أَن تَحَدُّكُم أَن
يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ
رَّحِيمٌ

“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa, dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang, dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah penerima taubat, lagi Maha Mengasihani”.

Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah kita pada kali ini maka mimbar menyimpulkan beberapa perkara yang amat penting untuk diambil pengajaran sebagai pedoman kepada kita semua. Antaranya adalah:



1. Umat Islam wajib meyakini bahawa semua tindakannya dan amalan di dunia akan dihisab oleh Allah SWT di akhirat kelak.
2. Umat Islam wajib menjaga adab-adab dalam setiap perkataan dan tindakan untuk memastikan perpaduan terpelihara.
3. Umat Islam wajib menjauhkan diri daripada fitnah memfitnah, hina menghina dan ucapan yang boleh menjejaskan akidah, syariat dan akhlak-akhlak Islam.
4. Pilihanraya yang datang bermusim ini wajar dijadikan wadah dakwah bagi menyebarkan Islam sebagai agama yang damai, aman dan sejahtera.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا
يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ؕ اّعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ
لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran. Dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”.

(al-Maidah : 8)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Zul/Nurul
12.04.2018



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزِّ
الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ
سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج،
ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،



وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُولِيَ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَغْكُو
أَمِيرِ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا، مُصْلِحِيْنَ
لِلْمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ
الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
